

Dari Sebulan ke Sebulan

Dato' Syed Ibrahim Alsagoff, *Counsel* Agung

'Arabiyah Sa'ūdiyyah dan Yang Dipertua Jamiyah yang mempunyai ahli tidak sampai 130 orang sahaja itu telah menjamin di dalam mesyuarat agung khas yang diadakan baharu-baharu ini bahawa rumah Jamiyah boleh digunakan oleh semua badan-badan Islam, sekalipun badan politik asakan perkara yang dirundingkan di dalamnya tidak kena-mengena dengan politik. Pada bulan April 1961, PAS yang memanggil badan-badan Islam untuk merundingkan Rang Undang-undang Islam tahun 1960 telah tidak dibenarkan menggunakan rumah Jamiyah kerana PAS badan politik, tetapi pada 16 April itu badan politik (Parti Rakyat) yang ahli-ahlinya tidak semuanya orang-orang Islam telah dibenarkan bersidang di rumah Jamiyah. Ini tentunya boleh dipandang "tokoh-tokoh" Jamiyah lebih utamakan badan-badan bukan Islam — inilah badan dakwah Islam yang "mengagungkan dirinya menyuarakan suara seluruh umat Islam Singapura" tetapi mempunyai ahli tidak lebih daripada 130 orang. Orang-orang Islam, melihat sentimen "tokoh-tokoh" Jamiyah hanya mengucap *subhāna Allāh!*

* * *

Jalālah al-Malik al-Mu'azzam, Faisal bin Abdul Aziz

al-Sa'ūd, raja bagi kerajaan 'Arabiyah Sa'ūdiyyah, sebagaimana yang dimaklumi setahun lebih dahulu telah mendermakan wang sebanyak £15,000 atau \$129,000 Malaya untuk membuat sebuah dewan Islam bagi Singapura. Derma itu adalah melalui Dato' Syed Ibrahim Alsagoff, *Counsel* Agung 'Arabiyah Sa'ūdiyyah. Wang itu dengan suatu syarat telah disetujui untuk menambah, membesarkan dan meluaskan lagi bangunan Jamiyah di Lorong 12 Geylang Singapura. Di dalam mesyuarat agung

khas yang dijalankan kerananya Dato al-Sayyid Ibrahim telah menyatakan bahawa di dalam undang-undang Jamiyah hendaklah disebut bahawa Jamiyah dengan tepat atau tidak tepat, tidak mengambil bahagian di dalam politik.

Tatkala ditanya oleh seorang ahli, adakah syarat-syarat itu dikehendaki oleh *Jalālah al-Malik* Faisal atau adakah dengan kehendaknya yang menyampaikan wang itu, Dato' itu menyatakan bahawa *Jalālah al-Malik* tidak meletakkan sesuatu syarat tetapi ia sendiri berfikir dan patut diadakan syarat itu.

Jadi yang berderma tidak membuat sesuatu syarat sedang yang menyampaikan, bukan yang punya wang membuat syarat, ertinya, kalau dalam istilah Melayu ini boleh disebut "memandai-mandai" kerana selama ini Jamiyah, yang sudah hidup suku abad lebih tidak pun ada membuat atau mencampuri perkara-perkara siasah negeri. Orang ramai hanya berkata *subhāna Allāh!*

* * *

Jamiyah telah dianjurkan oleh anggotanya, supaya memanggil mesyuarat badan-badan Islam untuk bersama-sama berunding di dalam mengkaji Rang Undang-undang Pertadbiran Islam yang sekarang diletakkan di dalam *Select Committee* untuk meminta fikiran dan pertimbangan rakyat. Permintaan itu telah ditolak oleh jawatankuasa Jamiyah dengan alasan bahawa rang undang-undang itu sudah pun dikaji oleh suatu jawatankuasa yang dilantik oleh Jamiyah (1964) yang terdiri dari 22 orang anggota-anggotanya bukannya sahaja anggota Jamiyah tetapi juga dari yang lain daripada anggota Jamiyah. Tetapi di dalam mesyuarat jawatankuasa

itu pula telah melantik satu jawatankuasa lain yang terdiri dari 5 orang yang nampaknya tidak ada seorang pun ahli agama yang berkelayakan di dalamnya untuk “menyemak”. Menyemak ertinya meminda, memperbaiki dan menghalusi semula kajian 22 orang itu oleh suatu kumpulan orang yang bukan ahlinya. Ini adalah suatu cara yang boleh dipandang penghinaan kepada 22 orang yang terdahulu yang sepatutnya mereka dipanggil semula untuk bersidang bagi menyemak keputusan mereka yang telah bersidang selama enam bulan. Untuk memerhatikan perubahan-perubahan yang dibuat di dalam rang undang-undang yang baharu dikemukakan semula itu. Ya, tetapi, orang-orang semuanya tahu “tokoh-tokoh” Jamiyah itu banyak sentimen dan banyak pula olehnya bahkan barangkali ada pula di antaranya yang...orang ramai tentunya tahu sama tahukan. Nama besar isinya kosong!

* * *

Menteri Hal Ehwal Kebudayaan Singapura, A. Othman Wok, tatkala berucap di Sembawang menyatakan bahawa dua ribu orang tiap-tiap bulan masuk ke Singapura dari Malaya tiap-tiap bulan. Kerana itu kerajaan tidak terdaya hendak memberikan pekerjaan, kemudahan-kemudahan perumahan dan lain-lain kemudahan sosial awam kepada orang-orang yang mendatang.

Dengan kenyataan ini ertinya dalam setahun ada 24,000 dari Malaysia masuk ke Singapura. Adakah kemasukan itu menetap atau hanya berulang-alik melawat sanak saudara, sukar dimaklumi sedang perumahan di Singapura tentunya dari lama dahulu diberikan kepada orang-orang yang ada kerakyatan Singapura ataupun orang-orang yang sudah bermastautin di sini yang rumahnya binasa atau seumpamanya. Jadi mungkin timbul pertanyaan di mana hal perumahan ada kait-mengaitnya, dan di mana pula hal-hal kemudahan sosial am ada berkaitan — semuanya menjadi pertanyaan.

Orang-orang yang mendengar — yang sukar bersuara hanya mendengar sahaja tetapi sangat sukar hendak menelan bulat-bulat.

* * *

Menteri Pelajaran Singapura, Tuan Ong Pang Boon telah menyatakan bahawa kerajaan Singapura tidak akan mengkaji semula pembayaran sekolah yang telah dikenakan kepada anak-anak orang luar negeri yang menuntut di sekolah-sekolah Singapura. Peraturan ini berjalan bahawa orang-orang yang telah tinggal tetap di Singapura semenjak 31 Disember tahun 1961 tidaklah terlibat. Mulai dari tahun 1966 anak-anak orang luar yang menuntut di sekolah-sekolah Singapura yang ibu bapanya tinggal di sini sesudah 31 Disember 1961 dikenakan bayaran \$15.00 bagi sekolah rendah dan \$30.00 bagi kanak-kanak yang menuntut di sekolah menengah.

Cadangan yang demikian itu telah dibidas oleh Menteri Pelajaran Malaysia, A. Mohamed Khir Johari dengan menuduh kerajaan Singapura melancarkan “*apartheid*” terhadap pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Singapura. A. Mohamed Khir berkata, sungguhpun kerajaan Singapura mempunyai setiap hak yang apa dia suka “tetapi adalah tidak adil dan zalim benar” bagi Singapura bertindak demikian. Seterusnya ia berkata bahawa tidak sebuah negara pun yang diketahuinya di dunia yang mengadakan diskriminasi terhadap penuntut-penuntut luar negeri yang belajar di sesebuah negeri.

“Singapura adalah satu-satunya negara yang sulung di dunia menjalankan langkah diskriminasi terhadap negara asing”, tegasnya.

Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah — yang menderita rakyat-rakyat miskin dan yang tidak mampu menarik anak-anaknya dari sekolah lalu tidak berpelajaran,

(Sambungannya di muka 37)